



# SIARAN AKHBAR

KEMENTERIAN KESIHATAN

## KENYATAAN MEDIA

### SITUASI TERKINI JANGKITAN COVID-19

### DI NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

12 Jamadilakhir 1443 / 15 Januari 2022

1. Pada hari ini, Sabtu 12 Jamadilakhir 1443 bersamaan dengan 15 Januari 2022, sebanyak **35 kes baru** jangkitan COVID-19 telah disahkan yang membawa **jumlah keseluruhan kes COVID-19 kepada 15,860 orang**.
  - Daripada jumlah tersebut, **26** adalah kes tempatan manakala **9** adalah kes import.
  - Jumlah kes baru ini adalah hasil daripada **2,120 jumlah ujian makmal** yang dilakukan dalam tempoh 24 jam yang lalu. Oleh itu, kadar kes positif pada hari ini ialah sebanyak **1.7%**.
2. Di kalangan kes-kes yang sedang dirawat di Pusat Pengasingan Kebangsaan, **satu kes dalam Kategori 4** (memerlukan bantuan oksigen dan di bawah rawatan rapi) dan **tidak ada kes dalam**

**Kategori 5** (memerlukan bantuan mesin pernafasan di Unit Rawatan Intensif).

3. **16 kes telah disahkan sembuh** pada hari ini yang membawa jumlah kes yang sembuh di Negara Brunei Darussalam kepada **15,409 kes** manakala jumlah kes aktif ialah sebanyak **349 kes**. Sementara itu, kadar pengisian di pusat-pusat pengasingan di seluruh negara atau *bed occupancy rate* ialah sebanyak **10.3%**.
4. Sehingga kelmarin, 14 Januari 2022, pencapaian Program Vaksinasi Kebangsaan adalah seperti berikut:
  - Kadar keseluruhan penduduk yang telah menerima sekurang-kurang satu dos vaksin ialah **94.7%**;
  - Kadar bagi yang telah menerima dua dos vaksin ialah **93.7%**; manakala
  - Kadar bagi yang telah menerima tiga dos ialah **31.9%**.
5. Dalam pada itu, Kementerian Kesihatan memaklumkan bahawa perkhidmatan Klinik Vaksinasi COVID-19 Bergerak bagi perkhidmatan rumah-ke-rumah akan dijalankan minggu depan bagi pesakit-pesakit yang terpilih sahaja yang mengalami kesukaran bergerak atau terlantar di katil. Perkhidmatan rumah-ke-rumah ini

akan dijalankan di beberapa Mukim dari jam 9:00 pagi hingga 2:30 petang pada tarikh-tarikh berikut:

- 17 Januari 2022 di Mukim Gadong 'A', Mukim Berakas 'A' dan Mukim Berakas 'B'.
- 18 Januari 2022 di Mukim Telisai, Mukim Labi dan Mukim Bukit Sawat.
- 19 Januari 2022 di Mukim Pengkalan Batu, Mukim Kilanas, Mukim Sengkurong dan Mukim Kuala Belait.
- 20 Januari 2022 di Mukim Berakas 'B' dan Mukim Keriam.
- 22 Januari 2022 di Mukim Tanjong Maya, Mukim Gadong 'A' dan Mukim Gadong 'B'.

Pesakit yang memenuhi kriteria bagi perkhidmatan rumah-ke-rumah ini akan lebih awal dihubungi oleh pihak Kementerian Kesihatan bagi saringan awal, dan mereka adalah diminta untuk memberikan nombor kad pengenalan atau passport, serta kad (atau nombor) Bru-HIMS, jika ada.

6. Bagi sekatan pergerakan yang dijalankan dari jam 10 malam semalam hingga 4 pagi tadi, **Alhamdulillah, tidak ada pelanggaran arahan** telah dikeluarkan denda kompaun di seluruh negara.

7. Di kesempatan ini, marilah kita memanjatkan doa semoga Allah Subhanahu wa Ta'ala sentiasa melindungi dan merahmati Negara Brunei Darussalam dan mudah-mudahan kita sentiasa terhindar dan selamat dari segala musibah dan bencana khususnya wabak COVID-19.. Aamiin Aminn Ya Rabbalalamin..

- **TAMAT** -

Rujukan : KK/PR/2

Tarikh : 12 Jamadilakhir 1443H / 15 Januari 2022